A **CHUAH GIM SENG & SATU LAGI**

lwn.

PP

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
YAACOB MD SAM PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-241-2007]
6 FEBRUARI 2009

C ***HAKCIPTA:*** *Karya filem - Pelanggaran - Kesalahan mendedahkan untuk jualan salinan langgaran dalam bentuk VCD - Akta Hakcipta 1987, s. 41(1)(b) - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Sama ada peruntukan s. 42 Akta Hakcipta 1987 dipatuhi - Sama ada pembelaan perayu-perayu menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan*

D ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Rayuan - Kesalahan mendedahkan untuk jualan salinan langgaran dalam bentuk VCD di bawah Akta Hakcipta 1987, s. 41(1)(b) - Faktor-faktor mitigasi - Kepentingan awam - Sama ada mahkamah mengubah kadar dendaan yang dikenakan*

E Perayu-perayu telah didapati bersalah dan disabitkan di atas dua pertuduhan kesalahan mendedahkan untuk jualan sejumlah lapan unit karya filem salinan langgaran dalam bentuk format video cakera padat (VCD), iaitu kesalahan di bawah s. 41(1)(b) Akta Hakcipta 1987 ('Akta'). Hakim Sesyen memutuskan kedua-dua perayu telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah
F terhadap kes pendakwaan dan oleh itu perayu-perayu disabitkan. Bagi setiap salinan langgaran iaitu empat unit VCD "Harry Potter and the Goblet of Fire" dan empat unit VCD "Chicken Little" setiap perayu masing-masing dikenakan dendaan RM3,000 menjadikan jumlah dendaan bagi setiap pertuduhan ialah RM12,000
G dan jika gagal bayar diganti dengan empat bulan penjaraan bagi setiap pertuduhan. Isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu-perayu di dalam rayuan ini adalah (i) isu kecacatan akuan berkanun iaitu eks. P25 dan P27 yang tidak mematuhi peruntukan s. 42 Akta; (ii) isu penafian hak perayu-perayu untuk menyoal balas pembuat akuan
H berkanun P25 dan P27 dan kegagalan memanggil atau menawarkan pembuatnya; (iii) terdapat kelemahan dalam penyiasatan kes; (iv) sama ada pembelaan perayu-perayu berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan Hakim Sesyen telah gagal menimbangkannya dan (v) sama ada dendaan RM3,000 yang dikenakan bagi setiap salinan langgaran tersebut adalah terlalu
I tinggi.

Diputuskan (menolak rayuan perayu-perayu):

(1) Penerimaan masuk P25 dan P27 sebagai eksibit dan keterangan oleh Hakim Sesyen adalah teratur. Pengikrar Nor Hayati Yahaya yang dilantik oleh pihak Warner Bros Entertainment dan Disney Enterprises Inc mempunyai *locus standi* mengikrarkan P25 dan P27 kepada Akuan Berkanun. Didapati juga bahawa P25 telah menyebutkan dengan nyata bahawa hakcipta telah wujud pada masa yang material. P25 dan P27 telah melampirkan dokumen-dokumen sokongan yang membuktikan hak-hak syarikat-syarikat terlibat sebagai pemegang hakcipta kedua-dua filem. Cakera putih yang dikepilkan di Akuan Berkanun P25 dan P27 adalah salinan karya asal yang dikemukakan berserta perakuan dan ianya adalah salinan karya asal dan dengan itu adalah mencukupi. P25 dan P27 telah mematuhi semua syarat-syarat s. 42 Akta Hakcipta 1987. (perenggan 22, 23, 25, 27, 28 & 30)

(2) Seksyen 42 Akta membenarkan akuan berkanun digunakan dan dikemukakan sebagai keterangan *prima facie* ke atas hakcipta tanpa perlu deponen akuan berkanun tersebut hadir sendiri memberi keterangan *(Rajagopal Santhanam v. PP)*. Hujahan bahawa kegagalan memanggil atau menawarkan deponen P25 dan P27 sebagai saksi telah mencacatkan kes pendakwaan atau boleh menjemput pemakaian adverse inference di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah ditolak. (perenggan 31)

(3) Hakim Sesyen telah memberikan alasan dalam keputusannya terhadap dapatan fakta bahawa perayu-perayu berada di premis tempat kejadian di atas kapasiti sebagai pekerja di kedai tersebut dan melalui keterangan pemerhatian yang telah dibuat oleh SP5 menunjukkan perayu-perayu bukanlah berada di kedai itu sebagai pelanggan kedai itu secara kebetulan. Tidak timbul apa-apa kewajaran atau sebab yang munasabah untuk mencampuri atau mengubah dapatan tersebut yang tidak bertentangan dengan keterangan yang telah dikemukakan. (perenggan 37)

(4) Hakim Sesyen tidak tersalah arah dirinya dari segi undang-undang dalam menimbang beban pembuktikan kes pembelaan. Hakim Sesyen telah menimbangkan dan membuat dapatan fakta terhadap pembelaan perayu-perayu dan beliau memberikan alasan terhadap dapatannya itu. Mahkamah tidak mempunyai kewajaran atau sebab yang munasabah yang membolehkannya mencampuri dan mengubah dapatan fakta tersebut yang dibuat olehnya berdasarkan keterangan yang ada di hadapannya dan

keputusan beliau itu tidak bertentangan dengan keterangan kes yang perlu dipertimbang dan dinilai secara totaliti. Oleh itu, sabitan terhadap perayu-perayu adalah teratur dan selamat dibuat. (perenggan 41)

(5) Setelah memberi pertimbangan kepada s. 41(1)(i) Akta dan faktor mitigasi termasuk keadaan-keadaan kes terhadap perayu-perayu yang tidak boleh disamakan seperti kesalahan yang dilakukan oleh pengeluar atau pengedar salinan langgaran dan memberi pertimbangan juga kepada kepentingan awam yang perlu dilindungi, mahkamah mengubah kadar dendaan yang dikenakan dari RM3,000 bagi setiap salinan langgaran di setiap pertuduhan kepada RM2,000 bagi setiap salinan bagi setiap pertuduhan. Mahkamah mengekalkan tempoh hukuman gantian penjaraan empat bulan yang dikenakan oleh Hakim Sesyen jika dendaan tersebut gagal dibayar bagi setiap pertuduhan tersebut. (perenggan 45)

Kes-kes yang dirujuk:

Chai Sau Yin v. Kok Seng Fatt [1966] 1 LNS 25 FC ***(dirujuk)***
Che Omar Mohd Akhir v. PP [2007] 3 CLJ 281 FC ***(dirujuk)***
Chong Loy Sen & Anor v. PP [1986] 2 CLJ 482; [1986] CLJ (Rep) 832 HC ***(dirujuk)***
Lee Ah Seng & Anor v. PP [2007] 5 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Mahbub Shah v. King Emperor [1925] AIR PC 118 ***(dirujuk)***
Mohd Hazrin Md Sari v. PP [2008] 5 CLJ 361 CA ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
Noliana Sulaiman v. PP [2001] 1 CLJ 36 HC ***(dirujuk)***
Rajagopal Santhanam v. PP [1998] 1 LNS 485 HC ***(dirujuk)***
Rock Records & Tapes Co Ltd & 5 Ors v. Season Karaoke Sdn Bhd & 4 Ors [1998] 1 LNS 41 HC ***(dirujuk)***
Solid Gold Publishers Sdn Bhd v. Chan Wee Ho & Ors [1998] 5 CLJ 735 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Copyright Act 1987, ss. 3, 41(1)(b), (1)(i), 42
Evidence Act 1950, ss. 76, 114(g)

Sumber lain yang dirujuk:

Prof Khaw Lake Tee, *Copyright Law in Malaysia,* 3rd edn, ms 66

Bagi pihak perayu-perayu - Anoop Singh; T/n Anoop & See
Bagi pihak responden - Shakila Banu I Sheik Allaudeen TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Yaacob Md Sam PK:

[1] Perayu-perayu telah didapati bersalah dan disabitkan di atas dua pertuduhan kesalahan mendedahkan untuk jualan sejumlah 8 unit karya filem salinan langgaran dalam bentuk format video cakera padat (VCD), iaitu kesalahan di bawah s. 41(1)(b) Akta Hakcipta 1987 (dirujuk sebagai "Akta" selepas ini) dan setiap seorang perayu dikenakan hukuman dendaan RM12,000 bagi setiap pertuduhan, jika gagal dibayar digantikan dengan penjaraan 4 bulan bagi setiap pertuduhan tersebut.

Pertuduhan

[2] Perayu-perayu dihadapkan dengan pertuduhan-pertuduhan berikut:

Pertuduhan Pindaan Pertama

Bahawa kamu bersama-sama pada 4.1.06 jam lebih kurang 5.50 petang, di premis Vigorous 33-04-15, Prangin Mall, Komtar, Jalan Dr. Lim Chwee Leong, di dalam Daerah Timur Laut di dalam Negeri Pulau Pinang telah mendedahkan untuk jualan salinan langgaran karya filem dalam format Video Cakera Padat (VCD) seperti berikut:

Tajuk	Bilangan salinan
Harry Potter and The Goblet of Fire	4 unit

tatkala hakcipta wujud bagi karya tersebut dan masih wujud dan dituntut oleh Patalex IV Productions Limited dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 41(1)(b) Akta Hakcipta 1987 dan boleh dihukum di bawah seksyen 41(1)(i) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Pindaan Kedua

Bahawa kamu bersama-sama pada 4.1.06 jam lebih kurang 5.50 petang, di premis Vigorous 33-04-15, Komtar, Prangin Mall, Jalan Dr. Lim Chwee Leong, di dalam Daerah Timur Laut di dalam Negeri Pulau Pinang telah mendedahkan untuk jualan salinan langgaran karya filem dalam format Video Cakera Padat (VCD) seperti berikut:

Tajuk	Bilangan salinan
The Chronicles of Narnia: The Lion, The Witch and The Wardrobe	4 unit

tatkala hakcipta wujud bagi karya tersebut dan masih wujud dan dituntut oleh Disney Enterprises, Inc Dan Walden Media LLC dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 41(1)(b) Akta Hakcipta 1987 dan boleh dihukum di bawah seksyen 41(1)(i) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Pindaan Ketiga

Bahawa kamu bersama-sama pada 4.1.06 jam lebih kurang 5.50 petang, di premis Vigorous 33-04-15, Komtar, Prangin Mall, Jalan Dr. Lim Chwee Leong, di dalam Daerah Timur Laut di dalam Negeri Pulau Pinang telah mendedahkan untuk jualan salinan langgaran karya filem dalam format Video Cakera Padat (VCD) seperti berikut:

Tajuk	Bilangan salinan
Chicken Little	4 unit

tatkala hakcipta wujud bagi karya tersebut dan masih wujud dan dituntut oleh Disney Enterprises, Inc dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 41(1)(b) Akta Hakcipta 1987 dan boleh dihukum di bawah seksyen 41(1)(i) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Pindaan Keempat

Bahawa kamu bersama-sama pada 4.1.06 jam lebih kurang 5.50 petang, di premis Vigorous 33-04-15, Komtar, Prangin Mall, Jalan Dr. Lim Chwee Leong, di dalam Daerah Timur Laut di dalam Negeri Pulau Pinang telah mendedahkan untuk jualan salinan langgaran karya filem dalam format Video Cakera Padat (VCD) seperti berikut:

Tajuk	Bilangan salinan
King Kong (VCD)	4 unit
King Kong (DVD)	2 unit

tatkala hakcipta wujud bagi karya tersebut dan masih wujud dan dituntut oleh MFPV FILM GMBH dan Universal City Studios LLP dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 41(1)(b) Akta Hakcipta 1987 dan boleh dihukum di bawah seksyen 41(1)(i) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[3] Di akhir kes pihak pendakwaan, Hakim Sesyen mendapati kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan bagi pertuduhan pindaan pertama iaitu 4 unit VCD "Harry Potter and The Goblet of Fire" dan pertuduhan pindaan ketiga iaitu 4 unit VCD "Chicken Little". Perayu-perayu dengan itu dipanggil membela diri bagi pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan ketiga tersebut. Bagi pertuduhan pindaan kedua dan pertuduhan pindaan keempat Hakim

Sesyen mendapati tiada kes *prima facie* berjaya dibuktikan di atas alasan terdapat kecacatan dalam Akuan Berkanun eks. P26 dan eks. P28 yang didapati tidak mematuhi peruntukan s. 42 Akta. Di akhir kes pembelaan, Hakim Sesyen memutuskan kedua-dua perayu telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan oleh itu perayu-perayu disabitkan. Bagi setiap salinan langgaran iaitu 4 unit VCD "Harry Potter and The Goblet of Fire" dan 4 unit VCD "Chicken Little" setiap perayu masing-masing dikenakan dendaan RM3,000 menjadikan jumlah dendaan bagi setiap pertuduhan ialah RM12,000 dan jika gagal bayar diganti dengan empat bulan penjaraan bagi setiap pertuduhan.

Isu-Isu Rayuan

[4] Peguam yang bijaksana yang mewakili perayu-perayu telah membangkitkan beberapa isu yang menjadi perkara rayuan oleh perayu-perayu. Di antara isu-isu tersebut yang dibangkitkan setelah mengambil kira ada di antaranya bertindih atau berulangan seperti yang diperlihatkan di dalam petisyen rayuan, ialah:

(a) kecacatan waktu yang dinyatakan di dalam pertuduhan-pertuduhan;

(b) kegagalan pembuktian hakcipta wujud pada ketika kesalahan dikatakan berlaku dan pihak yang memiliki hakcipta;

(c) kecacatan akuan berkanun (statutory declaration) iaitu eks. P25 bagi pertuduhan pindaan pertama dan eks. P27 bagi pertuduhan pindaan ketiga yang tidak mematuhi peruntukan s. 42 Akta;

(d) penafian ke atas hak perayu-perayu untuk menyoal balas pembuat akuan berkanun P25 dan P27;

(e) kegagalan memanggil atau menawarkan pembuat akuan berkanun P25 dan P27;

(f) tiada bukti bahawa cakera putih yang dilampirkan bersama P25 dan P27 adalah salinan asal karya;

(g) keraguan ke atas keterangan berkaitan uji tayang;

(h) isu elemen 'mendedahkan untuk jualan' barang kes terlibat;

(i) penyiasatan kes yang lemah;

(j) pembelaan perayu-perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah.

[5] Hakim Sesyen di dalam membuat keputusan terdapatnya kes *prima facie* ke atas pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan ketiga di dalam penghakimannya telah mengatakan keputusan tersebut dicapai oleh beliau setelah menimbangkan intipati pertuduhan yang telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan iaitu:

(a) mendedahkan untuk jualan;

(b) VCD salinan langgaran;

(c) karya filem dituntut oleh tuanpunya hakcipta;

(d) niat bersama.

[6] Penilaian dan dapatan fakta oleh Hakim Sesyen terhadap keterangan dan intipati pertuduhan dan keputusan wujudnya kes *prima facie* bagi pertuduhan pindaan pertama dan pertuduhan pindaan ketiga dibutirkan oleh beliau di dalam alasan penghakiman di ms 80 hingga 84 rekod rayuan.

[7] Bagi tujuan rayuan ini elok mahkamah ini merujuk kepada dapatan oleh Hakim Sesyen terhadap intipati pertuduhan yang disebutkan di atas. Bagi intipati (a) mendedahkan untuk jualan, Hakim Sesyen di dalam alasan keputusannya mengatakan seperti berikut:

> Tidak ada keterangan lansung (direct evidence) bahawa mana-mana saksi pendakwaan nampak kedua-dua OKT meletakkan cakera di atas kaunter. Keterangan yang ada ialah cakera-cakera telah sedia tersusun di atas rak dan kaunter. Oleh itu pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan (circumstantial evidence) yang berikut. Dari pemerhatian, kedua-dua OKT berada di dalam kaunter di dalam premis. Mereka dilihat bertindak sebagai penjaga dan penjual. Mereka juga dilihat melayan pelanggan. Andaian boleh dibuat bahawa jika ada pelanggan yang hendak membeli cakera, mereka bukan sahaja akan tahu apa tajuknya, tetapi mereka juga yang akan mengambilkan cakera-cakera itu. Kedai itu bukannya besar sangat. Penjual diupah untuk membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan aktiviti penjualan seperti meletak, mengambil, membungkus dan mengatur cakera. Kerana mereka adalah penjual, kedua-dua OKT tidak bertindak lari meninggalkan premis begitu sahaja. Mereka juga memberikan kerjasama kepada pegawai KPDN semasa pemeriksaan premis dibuat. Hanya ada satu inferen sahaja dari tingkah laku kedua-dua OKT iaitu mereka adalah penjual yang diupah atau diberikan kebenaran untuk memegang, meletak dan mengambil cakera untuk jualan. Mahkamah ini tiada keraguan munasabah bahawa intipati telah dibuktikan.

[8] Bagi intipati (b) salinan langgaran, Hakim Sesyen mengatakan seperti berikut: A

> Untuk memudahkan pegawai penguatkuasa mengenal pasti salinan langgaran, undang-undang telah dibuat bahawa VCD/DVD asli (asal) mesti mempunyai logo tulin, sijil B dan cop KPDN/HEP. Saksi pendakwaan kata P16-P20 tidak ada logo tulin, tidak ada sijil B, tidak ada sid code dan tidak ada cop KPDN/HEP. Dari uji tayang pula, didapati tajuk, jalan cerita dan pelakun adalah sama dengan karya asal. Yang berbeza ialah nama tuanpunya hakcipta telah dipotong. Tidak ada keraguan munasabah bahawa P16-P20 disalin seratus peratus dari karya asal dan adalah salinan langgaran. B C

[9] Bagi intipati pemilik hakcipta, Hakim Sesyen mengatakan seperti berikut:

> Untuk membuktikan pemilik hakcipta, 4 Akuan Berkanun (P25-P28) yang diikrarkan oleh Cik Norhayati Yahaya yang mengepilkan surat pemberian kuasa (Letter of Authorisation) dan karya asal dikemukakan. Perkara ini dibenarkan di bawah seksyen 42(1) Akta Hakcipta 1987. Akuan Berkanun yang memenuhi syarat-syarat seksyen 42(1) boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* pemilik hakcipta. Di antara isu-isu yang kerap timbul dari pengemukaan Akuan Berkanun ialah: D E
>
> 1. Pembuat Akuan itu sendiri tidak hadir untuk disoal balas.
> 2. Karya asal tidak dikepilkan bersama Akuan itu.
> 3. Cakera putih yang dikemukakan bersama Akuan bukanlah cakera asal.
> 4. Siapa yang boleh mengemukakan Akuan Berkanun ini. F
>
> Hampir dalam kesemua kes Akta Hakcipta di mahkamah ini, Akuan Berkanun dikemukakan melalui pegawai penyiasat. Pembuat Akuan tidak pernah hadir. Sejak beberapa bulan kebelakangan ini pula, "karya asal" yang dikepilkan ialah cakera putih bercetak perkataan "for court purposes only". Walaupun cakera putih tidak mempunyai satu pun ciri-ciri karya asal seperti yang terdapat di pasaran, saya tidak dalam kedudukan untuk kata cakera putih bukan karya asal. Alasannya mudah. Kerana deponent Akuan Berkanun itu sendiri kata cakera putih itu karya asal. Untuk kes ini, setelah meneliti Letter of Authorisation bagi setiap Akuan Berkanun, mahkamah ini mendapati bahawa Akuan Berkanun untuk filem The Chronicles of Narnia (P26) dan Filem King Kong (P28) tidak lengkap atas alasan berikut: G H
>
> 1. Tidak ada letter of authorization dari pemilik hakcipta bersama, Walden Media LCC bagi filem The Chronicles of Narnia.
> 2. Tiada letter of authorization dari pemilik hakcipta bersama, MFPV Film GMBH bagi filem King Kong. I

A Kedua-dua P26 dan P28 tidak mematuhi syarat di bawah seksyen 42(1) Akta Hakcipta. Maka P26 & P28 ditolak oleh mahkamah. P25 & P27 didapati mematuhi seksyen 42(1) dan diterima sebagai keterangan *prima facie* pemilik hakcipta bagi pertuduhan pertama dan ketiga.

[10] Bagi intipati (d) niat bersama, Hakim Sesyen setelah merujuk B kepada syarat-syarat pemakaian s. 34 Kanun Keseksaan seperti yang dinyatakan dalam kes *Mahbub Shah v. King Emperor* [1925] AIR PC 118, mengatakan:

Dalam kes ini, keterangan yang ada untuk membuktikan niat bersama hanyalah tingkah laku kedua-dua OKT yang berikut: C

1. Mereka berada dalam premis yang mempamer dan menjual VCD/ DVD.

2. Mereka bertindak sebagai penjaga dan penjual cakera-cakera.

D 3. Beradanya mereka di dalam premis itu adalah untuk satu tujuan iaitu untuk menjual cakera-cakera yang didedahkan dalam premis itu.

4. Tugas mereka saling melengkapkan. Seorang berada di kaunter dan seorang melayan pelanggan.

E

Maknanya memang ada prearranged plan dan kedua-duanya melaksanakan apa yang telah dirancang. Elemen niat bersama juga berjaya dibuktikan oleh pendakwaan.

[11] Dengan butiran-butiran alasan penghakiman oleh Hakim F Sesyen yang telah diturunkan di atas, mahkamah ini sekarang akan melihat dan mempertimbangkan rayuan oleh perayu-perayu terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh peguam yang bijaksana. Isu-isu tersebut dipertimbangkan mengikut susunan kepentingan.

G *(i) Isu Kecacatan Akuan Berkanun Iaitu eks. P25 Dan P27 Yang Tidak Mematuhi Peruntukan s. 42 Akta*

[12] P25 adalah merupakan Akuan Berkanun yang diikrarkan pada 30 Mei 2006 oleh Nor Hayati Yahaya yang merupakan Director of Film and Video Protection (M) Sdn Bhd. Dalam Akuan Berkanun H itu beliau mengatakan telah dilantik dan diberi Letter of Authorization oleh Warner Bros. Entertainment Inc. bagi bertindak dan mewakili Warner Bros. Entertainment Inc yang telah dilantik dan diberi kuasa di bawah Grant of Enforcement Rights And Power of Attorney oleh Patalex IV Productions Limited yang merupakan I pemilik hakcipta filem "Harry Potter and The Goblet of Fire." Di antara kuasa-kuasa yang diberikan kepada beliau termasuklah

mengikrarkan Akuan Berkanun bagi tindakan-tindakan untuk melindungi kerja-kerja karya yang mendapat perlindungan hakcipta di Malaysia. Bagi membuktikan lantikan beliau tersebut oleh Warner Bros. Entertainment Inc, beliau telah mengeksibitkan sebagai 'eks. A' Letter Of Authorization oleh Warner Bros. Entertainment Inc bertarikh 14 November 2005. Beliau turut melampirkan dalam eks. A tersebut salinan Grant Of Enforcement Rights And Power Of Attorney oleh Patalex IV Productions Limited kepada Warner Bros. Entertaiment Inc bertarikh 7 Jun 2005. Beliau turut melampirkan dalam eks. A tersebut semua dokumen-dokumen yang berkaitan dengan urusan perwakilan kuasa dan pemberian hak-hak yang dimasuki oleh Patalex IV Productions Limited dengan Warner Bros. Entertaiment Inc termasuk bukti perakuan di hadapan Notary Public – Carlifornia Los Angeles County dan perakuan pengesahan oleh Konsulat Jeneral Malaysia, Los Angeles bertarikh 16 November 2005. Akuan Berkanun (P25) oleh Nor Hayati Yahaya juga turut mengeksibitkan sebagai 'eks. B' karya asal filem "Harry Potter and The Goblet of Fire." Akuan Berkanun bertarikh 30 Mei 2005 (P25) tersebut diikrarkan dan dimaterai di hadapan Pesuruhjaya Sumpah Malaysia iaitu Barathan a/l Chinniah No. W202 yang juga menurunkan materai Pesuruhjaya Sumpah ke atas 'Certificate Indentifying Exhibit" bagi eks. A dan eks. B yang disebutkan dalam P25. Semua dokumen yang berkaitan dengan P25 dapat dilihat di ms 119 hingga 183 rekod rayuan.

[13] P25 ini telah diterima masuk oleh Hakim Sesyen sebagai keterangan *prima facie* atas milikan hakcipta apabila beliau berpuashati bahawa P25 telah memenuhi kehendak s. 42 Akta Hakcipta 1987.

[14] Peguam perayu-perayu menghujahkan bahawa P25 dan P27 tidak boleh diterima masuk sebagai eksibit dan keterangan, kerana:

(a) tidak dinyatakan secara spesifik bila hakcipta wujud;

(b) tiada bukti karya asal dianekskan bersama-sama P25 dan P27;

(c) eksibit A dalam P25 dan P27 adalah tidak lengkap;

(d) jika P25 dan P27 tidak diterima masuk, maka hakcipta tidak dapat dibuktikan;

(e) diragui syarikat-syarikat tersebut sebagai pemilik hakcipta.

[15] Adalah elok mahkamah ini menurunkan peruntukan s. 42 Akta bagi kemudahan rujukan dan pemeriksaan isu berkaitan dengannya. Seksyen 42 memperuntukkan:

A 42 (1) Afidavit atau akuan berkanun yang dibuat di hadapan mana-mana orang yang mempunyai kuasa untuk mengendalikan sumpah oleh atau bagi pihak mana-mana orang yang mengaku bahawa dia ialah:

(a) tuan punya hakcipta mengenai mana-mana karya yang layak
B dilindungi oleh hakcipta di bawah Akta ini yang menyatakan bahawa:

(i) pada masa yang ditetapkan di dalamnya hakcipta wujud mengenai karya itu;

C (ii) dia atau orang yang dinamakan di dalamnya adalah tuan punya hakcipta itu;

(iii) satu salinan karya itu yang disertakan bersama-sama affidavit atau akuan berkanun itu adalah salinan asal karya itu,

D bolehlah diterima sebagai keterangan di dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini dan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang fakta-fakta yang terkandung di dalamnya.

(2) Mana-mana orang yang diberi kuasa bertindak bagi pihak tuan
E punya hakcipta atau pelaku bagi maksud subseksyen (1) adalah dikehendaki menunjukkan kuasa secara bertulis yang membenarkannya bertindak sedemikian.

[16] Seskyen 7 Akta memperuntukkan jenis-jenis karya yang mendapat hakcipta:

F 7(1) Tertakluk kepada seksyen ini, karya-karya yang berikut adalah layak mendapat hakcipta:

(a) karya sastera;

(b) karya muzik;
G

(c) karya seni;

(d) filem;

(e) rakaman bunyi; dan

H (f) siaran.

[17] Definasi maksud 'filem' diperuntukkan di bawah s. 3 Akta:

"filem" ertinya apa-apa penetapan suatu siri gambaran pandangan pada
I bahan daripada apa-apa perihalan, sama ada lutcahaya atau tidak, supaya boleh dengan menggunakan bahan itu dengan atau tanpa apa-apa bantuan sesuatu perekaan:

(a) ditunjukkan sebagai gambar bergerak; atau

(b) dirakamkan pada bahan-bahan lain, sama ada lutcahaya atau tidak supaya dengan menggunakan bahan itu ianya boleh ditunjukkan sedemikian,

dan termasuklah bunyi yang terkandung dalam sesuatu alur-bunyian yang berkaitan dengan suatu filem.

[18] Berbalik semula kepada s. 42 Akta. Dalam kes *Rajagopal Santhanam v. Public Prosecutor* [1998] 1 LNS 485, Suriyadi J (Mahkamah Tinggi Melaka ketika itu) mengatakan s. 42 Akta Hakcipta 1987 adalah "unique in that, evidence in the form of affidavits is admissible, subject to the preconditions that have been laid down." Pra-syarat tersebut mengikut YA Suriyadi J seperti yang disusunkan oleh Prof Khaw Lake Tee dalam bukunya bertajuk *Copyright Law in Malaysia* (3rd edn) di ms 66, ialah:

(a) it must be made by or on behalf of the person claiming to be the copyright owner;

(b) it must state the copyright subsists in the work at the time specified;

(c) that he or the person named therein is the owner of the copyright;

(d) a true copy of the work is annexed; and

(e) the person who is authorized to act on behalf of the copyright must produce such authorization in writing.

[19] Keperluan mematuhi pra-syarat tersebut adalah mandatori sebelum akuan berkanun tersebut layak diterima masuk sebagai keterangan (*Rajagopal Santhanam v. Public Prosecutor* [1998] 1 LNS 485; *Solid Gold Publishers Sdn Bhd v. Chan Wee Ho & Ors* [1998] 5 CLJ 735). Walau bagaimana pun dalam kes *Rock Records & Tapes Co Ltd & 5 Ors v. Season Karaoke Sdn Bhd & 4 Ors* [1998] 1 LNS 41 YA Ian HC Chin J mengatakan "s. 42 does not prohibit the use of an affidavit where the works are not annexed and neither does it prescribe the one and only method of proving copyright."

[20] Mahkamah ini telah mempertimbangkan hujahan peguam dalam hal P25 dan P27 tersebut. Bagi Akuan Berkanun P25 dan 'eks. A' serta dokumen-dokumen sokongan adalah seperti yang terdapat di ms 119-183 rekod rayuan. Sijil Perakuan Mengecami 'eks. B' bagi P25 ialah di ms 183 rekod rayuan. Mahkamah dapati pengikrar Nor Hayati Yahaya mempunyai *locus standi* mengikrarkan

P25. 'eks. A' kepada Akuan Berkanun beliau iaitu Letter of Authorization yang dibuat oleh Warner Bros. Entertainment Inc bertarikh 14 November 2005 telah membuktikan lantikan beliau untuk bertindak bagi pihak Warner Bros. Entertaiment Inc. dan pada ketika beliau mengikrarkan akuan berkanun tersebut tempoh lantikan beliau masih berkuatkuasa. P25 juga di dalam eks. A telah melampirkan Grant of Enforcement Rights and Power of Attorney bertarikh 7 Jun 2005 yang diberikan oleh Patalex IV Productions Limited iaitu tuanpunya hakcipta kepada Warne Bros. Entertainment Inc. Letter of Authorization oleh Warner Bros. Entertainment Inc bertarikh 14 November 2005 bagi lantikan Nur Hayati Yahaya dibuat di bawah kuasa-kuasa Grant of Enforcement Rights and Power of Attorney yang ketika itu dipegang oleh Warner Bros. Entertainment Inc.

[21] Peguam juga menghujahkan bahawa semasa Akuan Berkanun P25 dikemukakan di mahkamah pada 9 Julai 2007 bagi tujuan perbicaraan kes, tempoh lantikan Nur Hayati Yahaya telah tamat dan oleh itu P25 tidak lagi sah untuk boleh diterima masuk sebagai eksibit dan keterangan. Dengan hormatnya mahkamah ini tidak dapat bersetuju dengan hujahan sedemikian di atas alasan semasa kejadian seperti di tarikh pertuduhan iaitu 4 Januari 2006 Nur Hayati Yahaya masih sah memegang letter of authorization. Mahkamah ini percaya undang-undang tidak diniatkan seperti yang dihujahkan oleh peguam yang akan bermakna lebih lewat kes pertuduhan dibicarakan maka tertuduh akan mendapat lebih manfaat kerana Akuan Berkanun akan menjadi tidak sah lagi untuk dikemukakan sebagai keterangan disebabkan tempoh lantikan pihak-pihak terlibat yang menjaga kepentingan hakcipta itu telah luput.

[22] Mahkamah juga tidak dapat menerima hujahan peguam bahawa Akuan Berkanun P25 tersebut tidak menyatakan tarikh mula hakcipta wujud di Malaysia. Mahkamah dapati P25 yang diikrar oleh Nur Hayati Yahaya pada 30 Mei 2006 telah menyebutkan dengan nyata bahawa hakcipta telah wujud pada masa yang material itu. Ini telah cukup untuk mematuhi kehendak s. 42 Akta. Tanpa keterangan lain yang boleh menyangkal pernyataan tersebut, mahkamah ini tidak boleh sewenang-wenang membuat dapatan yang berlainan daripada keterangan yang ada. Keterangan SP7 yang menyediakan P29 'Pengesahan Uji Tayang Di Bawah Akta Hakcipta' jelas mengatakan filem "Harry Potter and The Goblet of Fire" sedang ditayangkan di pawagam dan belum dikeluarkan dalam format lain seperti DVD/VCD/VHS di Malaysia (ms 226 dan 229 rekod rayuan).

[23] Di atas penilaian yang sama mahkamah ini juga mendapati penerimaan masuk P27 sebagai eksibit dan keterangan oleh Hakim Sesyen adalah teratur. P27 telah diikrarkan oleh Nur Hayati Yahaya pada 30 Mei 2006 di mana 'eks. A' kepada akuan berkanun itu telah mengemukakan bukti lantikan beliau bagi menjalan tindakan melindungi hakcipta bagi filem "Chicken Little" yang hakciptanya dipunyai oleh Disney Enterprises, Inc dan melalui letter of authorization bertarikh 18 September 2003 Disney Enterprises, Inc telah melantik dan memberi kuasa pada beliau termasuk kuasa mengikrarkan akuan berkanun di bawah s. 42 Akta Hakcipta 1987. Lantikan Nor Hayati Yahaya berkuatkuasa sehingga 30 Oktober 2006 yang bermakna sewaktu kesalahan dikatakan berlaku beliau masih mempunyai lantikan dan kuasa-kuasa yang sah untuk mengikrarkan Akuan Berkanun P27 tersebut.

[24] Dengan yang demikian isu-isu yang dibangkitkan di perenggan-perenggan (b), (c) dan (f) alasan rayuan perayu-perayu yang disebutkan di atas telah dijawab. Di atas keterangan yang ada berkaitan P25 dan P27 mahkamah ini juga mencapai konklusi yang sama seperti yang telah dibuat oleh Hakim Sesyen. Oleh itu mahkamah ini mendapati Hakim Sesyen tidak tersalah arah diri dari segi undang-undang dan fakta dalam menerima P25 dan P27 tersebut sebagai eksibit dan keterangan *prima facie* berkaitan tuan punya hakcipta bagi filem "Harry Potter and The Goblet of Fire" dan "Chicken Little".

[25] Adakah karya asal dianekskan dalam Akuan Berkanun P25 bagi mengatakan P25 telah mematuhi kehendak s. 42 Akta? Perenggan 1(a)(iii) Akuan Berkanun P25 mengatakan sesalinan karya asal dieksibitkan sebagai 'eks. B'. Sijil Perakuan Mengecami 'eks. B' oleh Pesuruhjaya Sumpah mengatakan 'eks. B' telah dirujukkan dan ditandakan sebagai sebahagian daripada Akuan Berkanun yang diikrarkan di hadapannya. Keterangan SP7 Abu Bakar bin Hussein mengatakan karya asal telah diserahkan kepada pegawai penyiasat kes (SP6) bersama Akuan Berkanun (ms 28 para. C-D rekod rayuan). Keterangan SP6 iaitu pegawai penyiasat mengatakan ada menerima Akuan Berkanun dan karya asal. Hakim Sesyen di dalam penghakimannya ada juga merujuk kepada karya asal yang dilampirkan bersama Akuan Berkanun semasa proses uji tayang yang dibuat di hadapannya ketika perbicaraan kes (ms 79 para A-C rekod rayuan).

[26] Akuan Berkanun P27 juga telah mengepilkan karya asal "Chicken Little" seperti yang dinyatakan di perenggan 1(a)(iii) P27 dan Perakuan Mengecami 'eks. B' oleh Pesuruhjaya Sumpah seperti yang dapat dilihat di ms 197 hingga 209 rekod rayuan. Keterangan SP7 dan SP6 telah juga mengatakan karya asal tersebut telah dibuat serahan oleh SP7 dan diterima oleh SP6 bersama-sama Akuan Berkanun P27. Hakim Sesyen juga dalam penghakiman beliau di ms 79 rekod rayuan telah merujuk kepada karya asal tersebut yang dikepilkan bersama Akuan Berkanun dan karya asal tersebut telah digunakan bagi uji tayang di hadapan beliau semasa perbicaraan kes. Di atas keterangan-keterangan yang ada itu, mahkamah ini berpuas hati bahawa P27 telah mematuhi semua pra-syarat s. 42 Akta dan dengan itu telah dengan teratur diterima masuk sebagai keterangan.

[27] Setelah mempertimbangkan kandungan P25 dan 'eks. A' yang melampirkan dokumen-dokumen sokongan yang membuktikan hak-hak syarikat-syarikat terlibat iaitu Patalex IV Productions Limited sebagai tuan punya hakcipta "Harry Potter and The Goblet of Fire" dan Warner Bros. Entertainment Inc sebagai pemegang Grant of Enforcement Rights and Power of Attorney bagi filem "Harry Potter and The Goblet of Fire" dan dengan ketiadaan keterangan sebaliknya yang boleh menafikan hakcipta tersebut, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan oleh Hakim Sesyen bahawa hakcipta terhadap filem tersebut telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Semasa SP7 memberi keterangan, peguam merujukkan kepada salinan nota prosiding bagi kes No. 62-4-06 iaitu D30 (di ms 232 rekod rayuan) untuk mengatakan terdapatnya percanggahan ke atas tuan punya hakcipta yang mana tidak disetujui oleh SP7. Mahkamah ini telah meneliti salinan photostat nota keterangan bertulisan tangan D30 tersebut dan mendapati ianya gagal mematuhi pra-syarat di bawah peruntukan s. 76 Akta Keterangan 1950 bagi boleh diterima masuk sebagai eksibit dan keterangan (*Noliana Sulaiman v. PP* [2001] 1 CLJ 36). D30 tersebut sewajarnya kekal menjadi IDD30 yang bermakna tidak ada apa-apa nilaian berat yang boleh diberikan ke atasnya.

[28] Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, mahkamah ini juga dapati P27 telah mematuhi semua pra-syarat s. 42 Akta dan dengan itu boleh diterima masuk sebagai eksibit dan menjadi keterangan *prima facie* bahawa Disney Enterprises Inc. adalah pemegang hakcipta filem "Chicken Little" dan dengan itu mahkamah ini bersetuju dengan alasan-alasan yang diberikan oleh Hakim Sesyen ke atas penerimaan masuk P27. Nur Hayati Yahaya mempunyai *locus*

standi bagi mengikrarkan P27 dan semasa P27 diikrarkan lantikan beliau masih sah iaitu mulai 18 September 2003 hingga 30 Oktober 2006. Kejadian kesalahan seperti di dalam pertuduhan-pertuduhan berlaku pada 4 Januari 2006.

[29] Isu juga ditimbulkan oleh peguam perayu-perayu bahawa cakera putih yang dikatakan sebagai karya asal yang dibuat uji tayang bagi perbandingan dengan salinan langgaran bukanlah karya asal dan dengan itu tidak mematuhi kehendak s. 42 Akta. Akuan Berkanun P25 dan P27 mengatakan apa yang dieksibitkan dan dikepilkan bersama Akuan Berkanun adalah karya asal. Dalam hal ini mahkamah ini merujuk kepada kes *Chai Sau Yin v. Kok Seng Fatt* [1966] 1 LNS 25 di mana Mahkamah Persekutuan mengatakan "... the "true copy" of bill of sale need not be a copy which exactly reproduces the original in every detail but that there sufficient compliance with the section if defects in the copy filed can be remedied by consideration of the document itself or any other material to which the person entitled to the benefit of the copy has access, as for instance the affidavit of execution."

[30] Mahkamah ini berpuas hati bahawa cakera putih yang dikepilkan di Akuan Berkanun P25 dan P27 adalah salinan karya asal dan tiada keterangan sebaliknya yang boleh menafikannya. Keterangan bagaimana hakcipta ke atas karya tersebut wujud telah dibutirkan oleh mahkamah ini sebelumnya apabila membincangkan P25 dan P27 serta dokumen-dokumen sokongan yang dikepilkan bersamanya. Mahkamah ini berhak memberi perhatian bahawa adalah menjadi amalan industri perfileman di mana pengeluar filem akan membuat beberapa salinan asal filem daripada 'master copy' bagi diedarkan untuk tujuan tayangan. Adalah sesuatu yang tidak munasabah untuk meletakkan ekspektasi yang menjadikan suatu yang mandatori bahawa dalam setiap kes salinan langgaran maka karya asal (asli) mesti dikemukakan. Mahkamah ini berpendapat memadai salinan karya asal dikemukakan berserta perakuan ianya adalah salinan karya asal dan dengan itu telah mencukupi untuk mematuhi pra-syarat s. 42 Akta. Sekiranya karya asal tersebut adalah dimaksudkan karya asli dan bukannya salinan karya asal, bagaimanakah pra-syarat tersebut akan dapat dipatuhi kerana masalah salinan langgaran khasnya filem berlaku di seluruh pelusuk dunia sedangkan salinan karya asal (asli) adalah terhad jumlahnya. Oleh yang demikian s. 42 Akta Hakcipta 1987 bagi ungkapan karya asal wajar ditafsirkan secara yang lebih fleksible dan diberi kesan maksud yang munasabah selagi mana salinan karya asal tersebut mematuhi s. 42 Akta sebagaimana perbandingan yang disebutkan dalam kes *Chai Sau Yin v. Kok Seng Fatt (supra)*.

(ii) Isu Penafian Hak Perayu-perayu Untuk Menyoal Balas Pembuat Akuan Berkanun P25 Dan P27 Dan Kegagalan Memanggil Atau Menawarkan Pembuatnya

[31] Peguam perayu menghujahkan oleh kerana terdapatnya beberapa isu dan keraguan terhadap P25 dan P27 khasnya terhadap isu cakera putih yang dilampirkan dan syarikat-syarikat yang menuntut hakcipta, maka pembuat P25 dan P27 (Nur Hayati Yahaya) hendaklah dipanggil bagi disoal balas oleh peguam. Peguam merujuk kepada ms 62 rekod rayuan yang mencatitkan perkataan "Peguambela: Pohon untuk soalbalas deponent P25-P28." Mahkamah ini dapati walau pun terdapat catatan sedemikian, tetapi rekod rayuan menunjukkan selepas catatan tersebut tidak ada lagi isu tentang keperluan memanggil pembuat P25 dan P27 ditimbulkan oleh peguam. Malahan diakhir kes pendakwaan peguam hanya mengatakan "Peguam: Tidak perlu kepada mana-mana saksi". (ms 63 rekod rayuan). Mahkamah juga mendapati peguam tidak pernah menghantar apa-apa notis bagi deponen P25 dan P27 dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk disoal balas. Peguam juga tidak ada membuat permohonan 'leave' dari mahkamah untuk menyoalbalas deponen P25 dan P27. Hakim Sesyen juga tidak ada membuat apa-apa 'ruling' tentang perkara tersebut. Malahan pihak pembelaan semasa penghujahan diakhir kes pendakwaan dan kes pembelaan tidak menyentuh langsung ke atas P25 dan P27 dan kegagalan memanggil deponen P25 dan P27 tersebut. Hanya diperingkat rayuan ini isu tersebut dibangkitkan. Dengan yang demikian, mahkamah ini berpendapat tidak berlaku apa-apa pemecahan peruntukan undang-undang atau penafian hak, jika sekiranya hak tersebut dikatakan ada, terhadap perayu-perayu (*Chong Loy Sen & Anor v. Public Prosecutor* [1986] 2 CLJ 482; [1986] CLJ (Rep) 832). Seksyen 42 Akta membenarkan akuan berkanun digunakan dan dikemukakan sebagai keterangan *prima facie* ke atas hakcipta tanpa perlu deponen akuan berkanun tersebut hadir sendiri memberi keterangan seperti mana yang telah dinyatakan oleh YA Suriyadi Halim Omar J dalam kes *Rajagopal Santhanam v. Public Prosecutor* [1998] 1 LNS 485. Oleh yang demikian hujahan bahawa kegagalan memanggil atau menawarkan deponen P25 dan P27 sebagai saksi telah mencacatkan kes pendakwaan atau boleh menjemput pemakaian adverse inference di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah ditolak (*Munusamy Vengadasalam v. Public Prosecutor* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221).

[32] Bagi isu keraguan proses uji tayang yang dibuat oleh SP7 di mana peguam menghujahkan bahawa karya asal telah tidak digunakan oleh SP7 semasa membuat uji tayang di pejabat pegawai

penyiasat (SP6), mahkamah ini berpendapat isu tersebut tidak lagi material untuk mencacatkan kes pendakwaan disebabkan uji tayang salinan langgaran dan karya asal telah dibuat di hadapan Hakim Sesyen sendiri seperti mana yang dibutirkan oleh Hakim Sesyen di ms 79 rekod rayuan. Hakim Sesyen telah membuat dapatan faktanya terhadap perkara tersebut dan mahkamah ini wajar tidak mencampuri atau mengubahnya tanpa apa-apa alasan teguh untuknya berbuat demikian. Rujukan oleh mahkamah ini terdahulunya kepada P29 'Pengesahan Ujii Tayang Di Bawah Akta Hakcipta' yang disediakan oleh SP7 hanyalah menyentuh pernyataan SP7 bahawa filem "Harry Potter and The Goblet of Fire" sedang ditayangkan di pawagam pada masa yang material dan belum dikeluarkan dalam format lain seperti DVD/VCD/VHS di Malaysia. Perayu-perayu adalah dituduh mendedahkan untuk jualan salinan langgaran 4 unit VCD "Harry Potter and The Goblet of Fire" dan 4 unit VCD "Chicken Little". Di atas alasan yang sebutkan di atas, mahkamah ini mendapati tidak terdapat keraguan terhadap proses dan keputusan uji tayang seperti yang dinyatakan oleh Hakim Sesyen dan dengan itu Hakim Sesyen tidak membuat apa-apa kesilapan ke atasnya.

[33] Di dalam kes *Che Omar Mohd Akhir v. PP* [2007] 3 CLJ 281 di ms 294 – YA Nik Hashim FCJ (menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan) mengatakan:

> It is trite law that an appellate court should be very slow in disturbing a finding of facts by the trial judge unless such finding is clearly against the weight of evidence which is not the case here.

[34] Walau pun prinsip di atas dipetik tetapi itu tidak bermakna mahkamah di peringkat rayuan hanya sewenang-wenangnya mengiyakan jumpaan fakta oleh hakim bicara. Mahkamah ini masih perlu melihat sama apakah fakta-fakta yang telah dipertimbangkan itu dan keterangan yang ada berkaitan dengannya. Di atas prinsip ini mahkamah ini telah juga melihat kepada keterangan yang ada seperti yang dibutirkan di atas dan mendapati dapatan oleh Hakim Sesyen tersebut tidak bertentangan dengan keterangan yang ada di hadapannya.

[35] Peguam juga menghujahkan terdapat kecacatan waktu kesalahan yang disebutkan di dalam pertuduhan-pertuduhan. Peguam merujuk kepada keterangan SP5 semasa pemeriksaan semula yang mengatakan pemerhatian dibuat pada jam "4.55 petang" (ms 51 rekod rayuan) dan dengan itu bercanggah dengan pertuduhan yang mengatakan masa kesalahan adalah jam 5.50 petang. Mahkamah ini dapati melalui keterangan SP3 dan SP4 dan laporan polis oleh SP5 di P7, adalah tidak diragui pemerhatian

tersebut telah dibuat lebih kurang lima minit sebelum pasukan serbuan memasuki kedai tempat kejadian pada jam 5.50 petang (ms 45 dan 111 rekod rayuan). Oleh itu sebutan waktu oleh SP5 yang dirujukkan oleh peguam tidak mencacatkan kes pendakwaan jika keterangan saksi-saksi SP3, SP4 dan SP5 serta P7 dilihat secara totaliti. Dengan yang demikian hujahan peguam dalam isu ini ditolak di atas alasan yang dibutirkan di atas tadi.

[36] Dalam hal isu hujahan peguam terhadap intipati pertuduhan 'mendedahkan untuk jualan', isu tersebut adalah lebih merupakan perkara fakta yang telah diputuskan oleh Hakim Sesyen yang telah mendengar dan melihat saksi-saksi yang memberi keterangan di hadapannya. Hakim Sesyen telah memberikan dapatannya seperti mana yang dibutirkan di ms 80-81 rekod rayuan. Dapatan fakta oleh Hakim Sesyen ini dicapai olehnya setelah mempertimbangkan keterangan SP3, SP4 dan SP5 serta eks. P5(A-L). Di atas alasan yang sama seperti yang diberi panduan oleh kes *Che Omar Mohd Akhir v. PP* [2007] 3 CLJ 281, mahkamah ini mendapati Hakim Sesyen tidak membuat apa-apa kesilapan fakta yang mewajarkan mahkamah ini mencampuri atau mengubahnya. Dengan keterangan yang ada mahkamah ini juga akan mencapai konklusi yang sama seperti yang telah dibuat oleh Hakim Sesyen tersebut.

[37] Peguam juga menghujahkan bahawa terdapat kelemahan dalam penyiasatan kes seperti tidak mendapatkan percakapan tuan punya premis tempat kejadian dan kaitan perayu-perayu dengan tempat kejadian. Hakim Sesyen telah membuat dapatan fakta dan keputusannya berdasarkan keterangan yang telah dibuktikan dan intipati-intipati pertuduhan yang telah dipenuhi oleh pihak pendakwaan. Hakim Sesyen telah memberikan alasan dalam keputusannya terhadap dapatan fakta bahawa perayu-perayu berada di premis tempat kejadian di atas kapasiti sebagai pekerja di kedai tersebut dan melalui keterangan pemerhatian yang telah dibuat oleh SP5 menunjukkan perayu-perayu bukanlah berada di kedai itu sebagai pelanggan kedai itu atau secara kebetulan. Mahkamah ini dapati Hakim Sesyen telah membuat dapatan faktanya terhadap keterangan yang ada di hadapannya yang diberikan melalui saksi-saksi SP5, SP3 dan SP4. Oleh yang demikian di atas prinsip yang sama seperti yang dipandukan oleh kes *Che Omar Mohd Akhir v. PP* [2007] 3 CLJ 281, mahkamah ini tidak mempunyai apa-apa kewajaran atau sebab yang munasabah untuk mencampuri atau mengubah dapatan tersebut yang tidak bertentangan dengan keterangan yang telah dikemukakan.

[38] Dalam hal isu barang kes yang dihujahkan oleh peguam sebagai meragukan, mahkamah ini berpuashati tiada apa-apa kecacatan atau kesenjangan (gap) yang melibatkan identiti barang kes tersebut iaitu P16 (4 VCD 'Harry Potter and The Goblet of Fire') dan P18 (4 VCD 'Chicken Little'). SP5 mengatakan P16 dan P18 adalah disita oleh beliau dan beliau membuat tandaan atasnya dan beliau telah mengecamkan tandatangan dan tarikh yang beliau buat di atas barang kes tersebut (ms 15 rekod rayuan). SP6 iaitu pegawai penyiasat mengesahkan telah menerima 4 unit VCD "Harry Potter" dan 4 unit VCD "Chicken Little" daripada SP5 dan SP6 membuat tandatangannya ke atas barang kes tersebut dan telah mengecamkannya di mahkamah (ms 52 dan 53 rekod rayuan). SP5 semasa sitaan barang kes P16 dan P18 telah menyediakan Borang Sitaan di P6 (ms 109 rekod rayuan). Manakala bagi serah menyerah barang kes di antara SP5 dan SP6 telah disediakan Akuan Penyerahan seperti yang terdapat di P8 (ms 112 rekod rayuan). Berdasarkan kepada keterangan SP1, SP2, SP5 dan SP6, mahkamah ini berpuas hati bahawa P16 dan P18 telah dibuktikan identitinya tanpa keraguan.

[39] Isu yang terakhir yang dihujahkan oleh peguam ialah pembelaan perayu-perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan Hakim Sesyen telah gagal menimbangkannya. Mahkamah ini dapati Hakim Sesyen telah menimbangkan pembelaan perayu-perayu seperti mana yang dibutirkan oleh Hakim Sesyen dalam alasan penghakiman di ms 84 dan 85 rekod rayuan. Elok diturunkan butiran keputusan Hakim Sesyen tersebut bagi kemudahan rujukan:

Kes Pembelaan:

OKT1 (perayu pertama) kata beliau membawa CD player ke kedai itu untuk dibaiki. Beliau masuk ke dalam kedai untuk melihat VCD. Beliau tiada apa-apa kaitan dengan kedai ini. Semasa ditahan, beliau berada di bahagian tengah kedai. OKT2 (perayu kedua) pula kata beliau bukan berada di dalam kaunter. Tetapi di luar kedai. Beliau bekerja di kedai Movie World Entertaiment, di tingkat 2. Beliau berada di luar kedai dan dibawa masuk ke dalam kedai. Beliau tidak kenal OKT1. Kedua-dua mereka menafikan mendedahkan cakera untuk jualan.

Findings:

Dakwaan kedua-dua OKT bahawa mereka tiada kaitan dengan kedai itu adalah rekaan kerana pegawai KPDN ada membuat pemerhatian. Tidak mungkin pegawai KPDN tidak boleh membezakan antara penjual dan pembeli. Kejadian berlaku pada waktu siang. Bukannya ada ramai pelanggan dalam kedai. Penglihatan ke dalam kedai jelas dan

A tidak terhalang. Adalah mudah untuk OKT-OKT mengatakan mereka dianiaya. Tetapi tiada laporan polis dibuat terhadap pegawai KPDN. Pembelaan seperti ini tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah kepada kes pendakwaan dan ditolak oleh mahkamah.

[40] Mahkamah ini mendapati Hakim Sesyen tidak tersalah arah B dirinya disegi undang-undang dalam menimbang beban pembuktian kes pembelaan. Hakim Sesyen telah mengingati dirinya bahawa beban pembelaan hanyalah untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas ke atas kes pendakwaan. Ini dapat dilihat di penghakiman beliau di ms 84 rekod rayuan. Hakim Sesyen telah C menilai keterangan kes pembelaan dan membuat findings atasnya. Dalam kes *Lee Ah Seng & Anor v. PP* [2007] 5 CLJ 1, YA Nik Hashim FCJ dan YA Azmeel Maamor FCJ di dalam keputusan (menentang) mengatakan:

D Dalam kes yang seperti ini di mana semuanya bergantung kepada kredibiliti seorang saksi mengenai apa yang dikata, pandangan yang dibuat oleh pengadil utama fakta berhak diberikan penghormatan yang tinggi dan suatu mahkamah rayuan yang tidak mempunyai kelebihan audio-visual seperti yang dinikmati oleh mahkamah bicara harus tidak dengan mudahnya mengganggu dapatan fakta yang dibuat oleh hakim E bicara. Dapatan yang arif hakim bahawa SP7 adalah boleh dipercayai dan merupakan seorang saksi yang bercakap benar adalah satu dapatan fakta utama. Oleh itu, bukanlah tugas mahkamah ini untuk menggantikan dapatan mahkamah bicara tersebut dengan dapatannya sendiri. Dalam kes semasa, tidak wujud kekhilafan-kekhilafan 'palpable and overriding' di pihak yang arif hakim bicara dalam penilainnya F terhadap fakta-fakta. Beliau betul dalam memutuskan bahawa responden telah berjaya membuktikan kesnya di luar keraguan yang munasabah dan bahawa beliau telah menimbang dan menerima keterangan lisan SP7 sebagai seorang saksi. Kes pendakwaan bukan suatu yang tidak boleh dipercayai ataupun sangat tidak mungkin. Oleh kerana mahkamah ini tidak memiliki kelebihan audio-visual terhadap G saksi, adalah wajar bahawa mahkamah ini akur kepada pandangan seperti yang dibuat oleh yang arif hakim bicara.

[41] Di atas prinsip yang sama, mahkamah ini mendapati Hakim Sesyen telah menimbangkan dan membuat dapatan fakta terhadap pembelaan perayu-perayu dan beliau memberikan alasan terhadap H dapatannya itu. Oleh yang demikian mahkamah ini tidak mempunyai kewajaran atau sebab yang munasabah yang membolehkannya mencampuri dan mengubah dapatan fakta tersebut yang dibuat olehnya berdasarkan keterangan yang ada di hadapannya dan keputusan beliau itu tidak bertentangan dengan keterangan kes I yang perlu dipertimbang dan dinilai secara totaliti.

Kesimpulan

[42] Di atas alasan-alasan yang telah diberikan oleh mahkamah ini seperti yang dibincang dan diputuskan di atas, mahkamah ini mendapati sabitan terhadap perayu-perayu adalah teratur dan selamat dibuat (*Mohd Hazrin Md Sari v. PP* [2008] 5 CLJ 361). Oleh itu rayuan perayu-perayu ditolak dan sabitan oleh Hakim Sesyen dikekalkan.

[43] Oleh kerana peguam perayu-perayu di dalam hujahan awal telah memohon keizinan untuk membuat hujahan di atas hukuman hanya diberikan sekiranya mahkamah ini mengekalkan sabitan, maka mahkamah ini akan mendengar hujahan ke atas hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Sesyen tersebut ke atas perayu-perayu.

Hukuman

[44] Peguam perayu-perayu telah berhujah terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Sesyen ke atas perayu. Perayu-perayu tidak mempunyai rekod sabitan lampau mahupun apa-apa sabitan lampau yang melibatkan kesalahan yang serupa. Peguam menghujahkan dendaan RM3,000 yang dikenakan bagi setiap salinan langgaran tersebut adalah tinggi dan memohon dipertimbangkan.

[45] Setelah mahkamah ini menimbangkan faktor-faktor mitigasi yang disebutkan oleh peguam dan alasan pengenaan dendaan tersebut oleh Hakim Sesyen yang di antara lain mengatakan dendaan yang tinggi perlu dikenakan kerana perbicaraan telah memakan masa yang lama. Mahkamah ini berpendapat tempoh perbicaraan yang mengambil masa yang lama tidak sewajarnya dijadikan kewajaran bagi pengenaan dendaan yang tinggi kerana perayu-perayu berhak mempertahan diri terhadap pertuduhan dan kaedah proses perbicaraan bukanlah di dalam kawalan perayu-perayu. Oleh yang demikian mahkamah ini bersetuju untuk kadar dendaan tersebut dipertimbangkan dan setelah memberi pertimbangan juga kepada s. 41(1)(i) Akta dan faktor mitigasi termasuk keadaan-keadaan kes terhadap perayu-perayu yang tidak boleh disamakan seperti kesalahan yang dilakukan oleh pengeluar atau pengedar salinan langgaran dan memberi pertimbangan juga kepada kepentingan awam yang perlu dilindungi, mahkamah ini mengubah kadar dendaan yang dikenakan dari RM3,000 bagi setiap salinan langgaran di setiap pertuduhan kepada RM2,000 bagi setiap salinan bagi setiap pertuduhan. Mahkamah mengekalkan tempoh hukuman gantian penjaraan empat bulan yang dikenakan oleh Hakim Sesyen jika dendaan tersebut gagal dibayar bagi setiap pertuduhan tersebut.